

KEJOHANAN OLAHRAGA MAJLIS SUKAN SEKOLAH – SEKOLAH PUTRAJAYA

1. NAMA PERTANDINGAN

Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Putrajaya

2. PENGANJUR

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah SMK Putrajaya Presint 8(1)

3. PENGELOLA

Jawatankuasa Khas yang telah dilantik oleh Pejabat Pelajaran Putrajaya

4. PERATURAN UMUM

Undang-undang dan Peraturan Undang-Undang Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) 2006 – 2007 dan Peraturan-Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah - Sekolah Putrajaya (MSSWPP) Edisi 2008.

5. PERATURAN TAMBAHAN

Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Penganjur adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran

6. JENIS PERTANDINGAN

6.1 Kejohanan Individu dan berpasukan.

6.2 Jenis acara untuk kejohanan adalah seperti berikut :

Kod	ACARA	LELAKI						PEREMPUAN					
		20	18	15	13	12	10	20	18	15	13	12	10
01	100 meter	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
02	200 meter		X	X	X	X	X		X	X	X	X	X
03	400 meter	X	X	X	X			X	X	X	X		
04	800 meter		X	X					X	X			
05	1500 meter	X	X	X	X			X	X	X	X		
06	3000 meter			X					X				
07	5000 meter		X										
08	80m.L.Pagar					X						X	
09	100m L.Pagar								X	X	X		
10	110m.L.Pagar		X	X	X								
11	200m.L.Pagar			X	X					X	X		
12	400m.L.Pagar		X						X				
13	2000 berhalang			X						X			
14	3000 berhalang		X										
15	3 Km J.Kaki									X			
16	5 Km J.Kaki			X					X				
17	10 km J.Kaki		X										
18	Lompat Tinggi		X	X	X	X	X		X	X	X	X	X
19	Lompat Jauh	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
20	Lompat Kijang		X	X					X	X			
21	L. Bergalah												
22	Melontar Peluru		X	X	X	X			X	X	X	X	
23	Lempar Cakera	X	X	X	X			X	X	X	X		
24	M.Lembing	X	X	X	X	X		X	X	X	X	X	
25	L.Tukul Besi	X	T					X	T				
26	4 X 100 meter		X	X	X	X	X		X	X	X	X	X
27	4 X 200 meter					X	X					X	X
28	4 x 400 meter		X	X	X				X	X	X		
29	Pentathlon								X				
30	Heptatlon		X										

Acara : **PENTATLON**

6.2.1 Hari Pertama : 100m Lari Berpagar, Lompat Tinggi dan Melontar Peluru

6.2..2 Hari Kedua : Lompat Jauh dan 800m

Acara : **HEPTATLON**

6.3.1 Hari Pertama : 110m Lari Berpagar, Lompat Tinggi, Melontar Peluru dan 400m

6.3.2 Hari Kedua : Lompat Jauh, Merejam Lembing dan 1500m

Acara : **2000 METER LARI BERHALANGAN**

6.3.1 Lompat Pagar : 18 kali

6.3.2 Lompat Air : 5 kali

6.3.3 Lompatan air ialah lompatan kedua dalam pusingan pertama dan kemudiannya lompatan yang keempat dalam pusingan yang berikutan

Acara : **4 X 200 METER**

6.4.1. **Pelari Pertama** akan gunakan lorong sendiri dan akan bermula di garisan 1 ½ stagger – seperti pelari pertama dalam acara 4 X 400 M

6.4.2 **Pelari Kedua** akan bersedia di garisan satu stagger yang akan disediakan

6.4.3 **Pelari Ketiga** akan bersedia di garisan ½ stagger (seperti pelari kedua dalam acara 4 X 400 M). Selepas menerima baton daripada pelari kedua, pelari ketiga mestilah berlari di lorong masing – masing sehingga ke selekoh pertama dan kemudiannya, beliau boleh memotong masuk ke lorong pertama.

6.4.4. **Pelari Akhir** akan bersedia di tempat penerimaan baton mengikut kedudukan pelari yang datang, dan menerima baton dengan syarat dia tidak menghalang atau menolak peserta lain.

Acara : **BERPAGAR - UKURAN KETINGGIAN**

Kategori	Acara	Tinggi	Dari permulaan Ke pagar 1	Antara pagar	Pagar akhir ke garisan penamat	Jumlah pagar
P12 / L12	80 m	0.762 m	12.00 m	8.00 m	12.00 m	8
P13 / P15	100 m	0.762 m	13.00 m	8.50 m	10.50 m	10
P18	100 m	0.840 m	13.00 m	8.50 m	10.50 m	10
L 18	110 m	0.992 m	13.74 m	9.14 m	14.00 m	10
L 15	110 m	0.914 m	13.74 m	9.14 m	14.00 m	10
L 13	110 m	0.840 m	13.74 m	9.14 m	14.00 m	10
P13 / P15	200 m	0.762 m	16.00 m	19.00 m	13.00 M	10

Kategori	Acara	Tinggi	Dari permulaan Ke pagar 1	Antara pagar	Pagar akhir ke garisan penamat	Jumlah pagar
L13/L15	200 m	0.840 m	16.00 m	19.00 m	13.00 M	10
P 18	400 m	0.762 m	45.00 m	35.00 m	40.00 m	10
L 18	400 m	0.914 m	45.00 m	35.00 m	40.00 m	10

Acara : **BALINGAN - UKURAN DAN TIMBANGAN**

Kategori	Peluru	Lembing	Cakera
Perempuan 12	2.72 kg	600 g	-
Lelaki 12	2.72 kg	600 g	-
Perempuan 13	2.72 kg	600 g	1.00 kg
Lelaki 13	2.72 kg	600 g	1.00 kg
Perempuan 15	4.00 kg	600 g	1.00 kg
Lelaki 15	4.00 kg	600 g	1.00 kg
Perempuan 18	4.00 kg	600 g	1.00 kg
Lelaki 18	4.55 kg	700 g	1.50 kg

7.0 HADIAH – HADIAH

- 7.1 Acara Individu sehingga 2000m – Pertama, Kedua dan Ketiga
- 7.2 Acara Individu 3000m dan jarak lebih daripadanya serta Pentatlon dan Heptatlon - Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan Keenam
- 7.3 Acara Pasukan – Enam pingat akan diberikan kepada setiap pasukan yang berjaya menduduki tempat Pertama, Kedua dan Ketiga

8.0 ACARA PERTANDINGAN

- 8.1 Setiap Sekolah dan Zon dibenarkan menghantar TIDAK LEBIH daripada dua (2) orang peserta bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan bagi acara Lari Berganti-Ganti.
- 8.2 Bilangan maksima penyertaan seseorang peserta adalah seperti berikut :

KUMPULAN UMUR	INDIVIDU	LARI BERGANTI-GANTI
TINGKATAN 6 ATAS	2 (termasuk acara terbuka)	
18 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
15 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
13 TKB	3 (termasuk acara terbuka)	2
12 TKB	2	2
10 TKB	2	2

- 8.3 Peserta – peserta Heptatlon dan Pentatlon **TIDAK DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara individu yang lain.
- 8.4 Acara **TERBUKA** hanya dibenarkan disertai oleh peserta – peserta yang berumur 12 tahun atau lebih pada 01 Januari tahun pertandingan

9.0 **PENDAFTARAN PESERTA – PESERTA**

- 9.1 Pendaftaran peserta yang berwarganegara Malaysia hendaklah dibuat Dua minggu sebelum kejohanan dengan menggunakan Disket dan / Borang Penyertaan Rasmi yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola. Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkapi dan disahkan oleh Pengetua (Penyertaan Sekolah Menengah) dan Pengerusi Zon masing-masing (bagi penyertaan zon)
- 9.2 Peserta-peserta yang hanya menyertai acara Lari Berganti-Ganti dikehendaki mendaftar juga.
- 9.3 Setiap Peserta hendaklah menyertakan **BORANG M 01 (Bagi sekolah Menengah) dan R 01 (bagi Sekolah Rendah)** .
- 9.4 Peserta hendaklah bertanding dalam kategori umur masing-masing. (contoh : peserta 13 tidak boleh bertanding dalam 15 dan seterusnya)

10.0 **PENGESAHAN PESERTA – PESERTA**

10.1 **Pengundian**

- 10.1.1 Penganjur akan memberi mandat kepada Jawatankuasa Pertandingan 10 hari sebelum kejohanan untuk membuat undian lorong dan buku pertandingan akan dikeluarkan serta diedarkan kepada semua pengurus pasukan sekolah dan zon.
- 10.1.2 Nama-nama peserta yang akan mengambil bahagian dalam semua acara hendaklah disahkan selewat-lewatnya pada mesyuarat tersebut. Segala pertukaran boleh dilakukan dalam mesyuarat tersebut.
(SELEPAS ITU SEMUA PERTUKARAN / PENGGANTIAN TIDAK AKAN DILAYAN)

10.2 **Taklimat Pengurus – Pengurus Pasukan**

Semasa taklimat ini, hanya penarikan diri **TANPA** penggantian dibenarkan

10.3 **Penarikan Diri Semasa Kejohanan Dijalankan**

- 10.3.1 Jika didapati seseorang peserta setelah disahkan semasa Taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya, **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakil / cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, atlet berkenaan berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.

10.3.2 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal, tanpa surat pengesahan sakit / cedera daripada Pegawai Perubatan Kejohanan, adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.

10.3.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejohanan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kejohanan kepada Pengurus Kejohanan

10.4 **Penggantian Dalam Acara Lari Berganti-Ganti**

Penggantian bagi acara Lari Berganti-Ganti dihadkan kepada dua (2) orang peserta yang didaftarkan dalam Disket / Borang Penyertaan Rasmi. Peraturan ini meliputi penyertaan di pusingan Separuh Akhir dan Akhir

11.0 **MELAPORKAN DIRI PESERTA**

11.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya 30 minit bagi acara balapan dan 45 minit bagi acara padang, sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta

11.2 Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan

11.3 Hebahan tentang panggilan peserta-peserta untuk melaporkan diri bagi acara-acara mereka **TIDAK AKAN DIBUAT**. Maklumat meminta peserta melaporkan diri hanya disiarkan dipapan kenyataan di tempat Penyelia Peserta. Hebahan hanya akan dibuat sekiranya terdapat sebarang pindaan dalam susunan acara atau program kejohanan.

11.4 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin pada setiap penjuru di baju lari masing-masing

11.5 Apabila melaporkan diri untuk tiap-tiap acara, seseorang peserta mesti menunjukkan Nombor peserta sebagaimana yang didaftarkan kepada Penyelia Peserta berkenaan. Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi, peserta berkenaan **TIDAK AKAN DIBENARKAN** menyertai acara itu.

11.6 Peserta-peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara mereka dimulakan, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap sebagai telah menarik diri

12.0 **PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN**

12.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diringi oleh Penyelia Peserta

- 12.2 Untuk acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat peserta dengan serta merta tanpa memasuki padang

13.0 MEMANASKAN BADAN

Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditentukan

14.0 BLOK PERMULAAN

- 14.1 Bagi acara-acara yang tersebut di bawah untuk peringkat umur 18 , 15 dan 13 Tahun Ke Bawah (Lelaki dan Perempuan) mulaan dekat dan Blok Permulaan **MESTI DIGUNAKAN**

Acara : 100m, 200m, 400m, 100 m Lari Berpagar, 110m Lari Berpagar, 400m Lari Berpagar, 4 X 100m dan 4 X 400m

- 14.2 Bagi acara-acara yang tersebut di bawah untuk peringkat umur 12 Tahun Ke Bawah (Lelaki dan Perempuan) permulaan dekat **MESTI DIGUNAKAN**, tetapi penggunaan Blok Permulaan tidak diwajibkan dan terpulang kepada peserta itu sendiri.

Acara : 100m, 200m, 80m Lari Berpagar, 4 X 100m, 4 X 200m

15.0 UKURAN TINGGI PERMULAAN

Bagi acara-acara tersebut di bawah. Ukuran tinggi permulaan adalah seperti berikut :

- | | | | |
|------|-----------------|--------|-----------|
| 15.1 | Acara | Lelaki | Perempuan |
| | Lompat Bergalah | 2.60m | 1.80m |

- 15.1 Lompat Tinggi

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18 TKB	1.60 meter	1.25 meter
15 TKB	1.50 meter	1.20 meter
13 TKB	1.30 meter	1.15 meter
12 TKB	1.15 meter	1.00 meter
10 TKB	1.05 meter	0.95 meter

16 PAPAN LONJAKAN ACARA LOMPAT KIJANG

- 16.1 Jarak Papan Lonjakan dari kawasan mendarat bagi acara Lompat Kijang adalah seperti berikut :

PERINGKAT UMUR	LELAKI	PEREMPUAN
18 TKB	11 / 13 m	9 / 11 m
15 TKB	11 / 13 m	9 / 11 m

17 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KEJOHANAN

17.1 Acara Pentatlon dan Heptatlon

- 17.1.1 Pemenang ialah peserta yang dapat mengumpul jumlah mata yang terbanyak dalam lima atau tujuh acara mengikut keadaan, berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF, walaupun ukuran berat bagi acara Melontar Peluru dan Merejam Lembing tidak sama dengan kehendak IAAF
- 17.1.2 Sekiranya seri, maka pemenang ialah peserta yang memperolehi mata tertinggi dalam lebih acara antara peserta-peserta yang seri. Jika ini juga tidak dapat memutuskannya, pemenang ialah peserta yang mendapat mata tertinggi di dalam mana-mana acara tertentu. Keadaan ini digunakan untuk memutuskan seri bagi sebarang tempat dalam pertandingan ini

17.2 Penentuan Peserta Terbaik

- 17.2.1 Hadiah-hadiah peserta terbaik akan diberi kepada Peserta Terbaik Lelaki 18TKB Perempuan 18 TKB, Lelaki 15 TKB, Perempuan 15 TKB, Lelaki 12 TKB dan Perempuan 12 TKB berdasarkan pencapaian individu dalam pungutan pingat Emas, Perak dan Gangsa di samping catatkan rekod baru (seperti KOAM, REMAJA KEBANGSAAN, MSS ASEAN atau MSSM atau MSSWPP dan sebagainya, mana yang lebih baik pencapaiannya . kelebihan usia sesuatu rekod boleh mempengaruhi keputusan pemilihan)
- 17.2.2 Sekiranya tiada rekod yang diatasi / dicatat, jumlah pungutan pingat emas atau perak atau gangsa dalam acara individu akan diambil kira
- 17.2.3 Sekiranya pungutan pingat emas masih sama, pungutan pingat perak dan pingat gangsa dalam acara individu akan diambil kira
- 17.2.4 Sekiranya kedudukan masih sama juga, maka keputusan akan dibuat berdasarkan Jadual Mengira Mata IAAF bagi pencapaian terbaik acara tertentu setiap peserta

18 SEPARUH AKHIR & AKHIR

- 18.1 Penentuan untuk ke separuh akhir ditentukan dengan mencatatkan masa terbaik.
- 18.2 Sekiranya terdapat bilangan peserta yang mencatatkan masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Juri Rayuan
- 18.3 Semua pengundian lorong untuk acara akhir, semasa kejohanan dijalankan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Pertandingan dengan pengawasan / penyeliaan ahli-ahli Juri Rayuan

19 HURUF-HURUF DAN NOMBOR PENGENALAN PASUKAN

- 19.1 Huruf - huruf pengenalan peserta - peserta adalah sepertimana yang telah ditetapkan seperti berikut .

BIL	NAMA PASUKAN	KOD SEKOLAH
1		
2		
3		
4		
5		
6		
7		
8		
9		
10		
11		
12		
13		
14		
15		

19.2 Warna kain adalah seperti berikut :

19.2.1	Lelaki dan Perempuan bawah 20 tahun	:	UNGGU
19.2.2	Lelaki dan Perempuan bawah 18 tahun	:	PUTIH
19.2.3	Lelaki dan Perempuan bawah 15 tahun	:	KUNING
19.2.4	Lelaki dan Perempuan bawah 13 tahun	:	HIJAU MUDA
19.2.5	Lelaki dan Perempuan bawah 12 tahun	:	MERAH JAMBU
19.2.6	Lelaki dan Perempuan bawah 10 tahun	:	BIRU MUDA

19.3 Ukuran Kain : 26cm X 15cm

19.4 Ukuran Nombor : Tinggi Huruf / Nombor : 15 cm
Lebar Huruf / Nombor : 4.5cm-5.0cm
Tebal Huruf / Nombor : 1.5 cm
Warna Huruf / Nombor : Hitam

20 BANTAHAN

Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Peraturan 147 KOAM, kecuali perkara-perkara berikut :

20.1 Segala masalah berkaitan dengan kelayakan (status) seseorang peserta yang tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan bermula, maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan (under protest) dan perkara tersebut akan dikemukakan kepada Pejabat Pelajaran WP Putrajaya kelak.

20.2 Bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada

20.2.1 Lima belas (15) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara pusingan awal

20.2.2 Tiga puluh (30) minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir

20.2.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertai dengan wang Pertaruhan sebanyak **RM 300.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Sahaja)**

21 HAK – HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

21.1. Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan

Olahraga MSSD Johor Bahru, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, Pengurus-Pengurus Pasukan akan diberitahu.

- 21.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-Undang Olahraga KOAM terkini, Peraturan-Peraturan Am MSSWP Puutrajaya atau Peraturan-Peraturan Pertandingan Kejohanan Olahraga MSSWP Putrajaya.

22 HAL – HAL LAIN

- 22.1 Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.
- 22.2 Selain daripada Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPAPUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**
- 22.3 Jawatankuasa tidak bertanggungjawab ke atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta benda atau sebarang kecedaarn lain berlaku :
- 22.3.1 Semasa perjalanan pergi dan balik dari penginapan ke stadium
 - 22.3.2 Semasa kejohanan dijalankan
 - 22.3.3 Di dalam dan di luar kawasan stadium
 - 22.3.4 Di tempat-tempat penginapan
- 22.4 Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejohanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai terjamin setakat mana yang munasabah

